

TARIKH	27 / 09 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	Setempat

## Perlu bijak mencelah cari ruang solat



**CATATAN  
DARI MAKKAH**

Badrila Jamlus

**Assalamualaikum** dan salam sejahtera. Ini adalah satu kebetulan atau sudah dirancang. Perjalanan ketika menuju ke ruang solat utama selesa dan mudah meskipun azan Maghrib sudah berkumandang. Mungkin ini disebabkan tindakan tegas polis Arab wanita dan lelaki yang bertegas mlarang jemaah bersolat di ruang pejalan kaki.

Syabas buat mereka kerana jika tindakan itu tidak dilakukan, ia boleh menyebabkan berlaku kesesakan luar biasa kepada jemaah yang mahu masuk ke ruang solat akibat sikap segelintir jemaah yang hanya mementingkan diri dengan duduk bersesak di kawasan solat.

Tindakan membuat berasan saf sesuka hati bukan saja boleh mengganggu pergerakan jemaah, tetapi kadang kala membahayakan diri jemaah itu sendiri kerana bimbang dilanggar jemaah lain selain laluan itu turut digunakan oleh jemaah yang menggunakan kerusi roda.

Sebenarnya, jika jemaah kita rajin dan pandai mencelah, banyak ruang kosong di tingkat dua masjid jika tiba pada saat akhir, malah jika bernasib baik dapat pula tempat yang berhawa dingin.

Begini juga kepada jemaah wanita, sebenarnya ada

ruang kosong di bahagian dalam masjid khususnya di kawasan berhawa dingin dan tidak harusnya bertumpu kepada kawasan luar yang mungkin agak tidak selesa kerana perlu bersesak dengan jemaah lain. Kadang-kala sikap segelintir jemaah khususnya dari negara asing yang menyebabkan berlakunya kesesakan ini.

Ini kerana mereka lebih gemar duduk berkumpulan dan tidak mahu berpecah, amat berlainan dengan jemaah Malaysia yang selesa bergerak dalam kumpulan kecil atau kadang-kala bergerak sendirian tanpa perlu dibimbing setiap masa. Begitulah bezanya jemaah kita dengan jemaah lain yang dapat dilihat sendiri oleh penulis.

Apa yang penting ialah mengecam setiap pintu keluar dan masuk ke masjid atau jika perlu menunggu rakan atau ahli keluarga lain, pastikan kita menetapkan lokasi tertentu yang lebih selesa dan tidak menjadi tumpuan orang ramai, misalnya tempat minum air zam-zam di mana-mana kawasan sekitar masjid atau berhampiran eskalator dan pintu nombor tertentu.

Jika boleh pastikan kita tahu apa yang perlu dilakukan sekiranya kita tersasar daripada jalan keluar dengan mencari petugas ronda haji Malaysia yang ada meronda sekitar masjid ataupun bertanyakan kepada pekerja masjid khususnya mereka yang berasal dari Indonesia bagi memudahkan komunikasi.

**FAKTA**  
Sikap segelintir  
jemaah cetus  
kesesakan